

20/09/2000

Rakyat Australia kagumi kehebatan Malaysia

Radzi

MALAYSIA dan pemimpin negara, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak terlepas daripada menjadi sebutan rakyat Australia sewaktu Sukan Olimpik berlangsung ini. Setiap kali mengetahui kami rakyat Malaysia, rata-rata daripada mereka tidak menyembunyikan menyatakan rasa kagum terhadap negara dan Perdana Menteri.

Walaupun masih ada yang mempunyai pandangan berbeza, ia adalah perkara biasa kerana walaupun rambut semua hitam, hati tetap lain-lain. Lagipun, pandangan mereka bukan semuanya betul kerana mereka tidak mengetahui keadaan sebenar di tempat kita lantaran hanya mengetahuinya melalui akhbar tempatan.

Seperti diketahui, akhbar asing kerap memutarbelitkan fakta mengenai apa yang berlaku di Malaysia, semata-mata untuk memenuhi agenda mereka sendiri. Mungkin media Australia juga tidak terkecuali.

Begitupun, rasa kagum seorang pemandu Habsyah, ketika membawa kami ke pusat latihan sukan badminton di Five Dock Leisure Centre, terhadap negara dan Dr Mahathir, menyebabkannya bertanya kepada kami sama ada senang baginya untuk menjadi rakyat Malaysia.

Ketika kami bertanya mengapa dia ingin menjadi rakyat Malaysia? Jawabnya, supaya boleh berbangga sebagai rakyat yang mempunyai Menara KLCC dan dapat hidup di bawah pimpinan Dr Mahathir, seorang pemimpin berjiwa besar dan berwawasan.

Apabila ditanya apakah dia tidak berasa selesa di Australia, negara yang didudukinya sejak 20 tahun lalu? Pemandu yang nyata peka dengan perkembangan semasa dunia itu berkata: "Hanya baru-baru ini layanan terhadap kami sebagai imigran semakin baik. Jika tidak kami sering dianaktirikan."

Malah, ketika mencari tempat untuk makan malam di King Cross berhampiran hotel penginapan bersama beberapa wartawan lain selepas penat bekerja, kami bertemu dengan seorang lagi pemuda yang bertanyakan mengenai Malaysia dan isu bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pada mulanya tanggapannya agak negatif, tetapi selepas kami menjelaskan kedudukan, baru pemuda itu mengerti situasi dan mengakui dia hanya mengetahui mengenai isu itu melalui akhbar yang dibacanya. Baginya, apa yang dibaca, itulah hakikatnya.

Tetapi, ketika sesetengahnya begitu negatif terhadap negara kita, perkara utama yang dikesan, rata-rata pekerja Sukan Olimpik yang ditemui ketika membuat liputan Sukan Olimpik ini, begitu berbudi bahasa dan berhemah tinggi. Adat ketimuran, adab sopan dan menghormati tetamu yang menjadi budaya Asia, masih tebal di sanubari mereka walaupun sesetengah rakyat Australia enggan dikaitkan dengan Asia. Apatah lagi selepas negara Asia sendiri tidak mahu menerima mereka ke dalam Asia, lantaran peranan mereka sebagai 'polis Amerika' berikutan isu Timor Timur, sebelum ini.

Senyuman murah yang tak lekang di bibir, sambutan mesra serta ucapan seperti 'G'day mate, how're u, have a nice day, thank u', baik daripada pemandu bas hingga kepada pembersih tandas dan pemungut sampah, bagaikan suatu kemestian setiap kali mereka bertemu kami. Sedikit sebanyak keramahan mereka membuatkan kami berasa senang hati walaupun penat bekejaran ke sana sini membuat liputan.

Lantas, terlintas di fikiran, Malaysia mungkin dapat mempelajari sesuatu daripada sifat mereka itu. Sesuatu yang kita tampak kurang ketika Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998, tetapi masih boleh diperbaiki jika

negara diberikan hak menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.
(END)